

| |
|-----------|
| Newspaper |
| Date |

Utusan Malaysia

19/5/2013

Wawancara

Anwar patut bersara

UM - 19/5/2013

MUKADIMAH

BAGI tokoh dan veteran UMNO, **TAN SRI SANUSI JUNID**, satu petanda jelas apa yang rakyat mahukan sekarang ini adalah supaya Anwar berundur kerana beliau tidak lagi relevan dalam politik negara. Ini kerana menurut Sanusi, Anwar Ibrahim umpama

orang yang sudah luku tetapi dia tidak terima kekalahan dan akan terus berjalan, mengajak rakyat ke jalanan untuk membasuh lukanya itu.

Dalam pertemuan berlangsung Selasa lepas yang dihadiri wartawan *Mingguan*

Malaysia **HAFAZHIL HAMID** dan **RABIATUL ADAWIYAH KOH ABDULLAH**, Sanusi turut menerangkan adalah jelas usaha perpaduan antara dua parti politik orang Melayu terbesar UMNO dan Pas perlu dilaksanakan.



MINGGUAN: Bagaimana Tan Sri melihat suasana politik negara selepas berakhirnya pilihan raya? **SANUSI:** Saya melihat keputusan pilihan raya kali ini adalah yang terburuk prestasinya dalam sejarah di negara ini. Namun saya tidak terkejut dan mempunyai perasaan keputusan pilihan raya ini tidak banyak memihak kepada BN. Tetapi sebelum pilihan raya saya menyoal apa yang saya fikir ini tidak betul. Sebelum ini ada diuar-uarakan akan menang oleh banyak kumpulan dapat dua pertiga. Saya berdoa supaya Barisan Nasional menang oleh banyak kerana saya melihat ramai penasihat dan mereka yang cerdik pandai berkelulusan luar negeri yang memberi nasihat. Jadi saya rasa sudah tentu ada satu formula hebat yang boleh membawa kemenangan besar. Namun apabila keputusan diumumkan saya merasa tidak berapa gembira kerana apa yang saya rasa itu betul. Yang sebenarnya pengalaman dan ilmu yang ada pada orang lama ini sebenarnya masih relevan.

Kemudian daripada statistik 222 kerusi Parlimen kita tahu bahawa 135 kerusi mempunyai anggoti pengundi Melayu. 47 kerusi pula mempunyai pengundi Melayu antara 40 hingga 60 peratus. Hanya 40 kerusi yang mana Melayu adalah minoriti. Jadi kalau kita lihat kerusi yang orang Melayu adalah minoriti serta mempunyai wakil antara 40 hingga 60 peratus, jika pembangkang menang semua kerusi ini mereka tetap tidak boleh menang dalam pilihan raya. Kenapa ini berlaku adalah akibat perpecahan di kalangan orang Melayu. Jika kita tanya siapa salah kita tidak boleh salahkan DAP kerana sifat kurang ajar dan angkuh pemimpin DAP ini bukan perkara baru. Ia wujud sejak sekian lama dan memang begitu caranya. Oleh itu antara PKR, Pas dan DAP, yang konsisten adalah DAP sahaja. Pas tidak konsisten kerana mereka sendiri tidak tahu apa yang diperjuangkan, kejap jujur kejap kebabjikan. Kalau DAP gertak sikit sahaja Pas akan melatah. Bagi PKR mereka konsisten dalam aspek membenci UMNO tetapi dalam soal dasar mereka tidak keruan. Jika dalam hal Melayu mereka bertagak pejuang Melayu. Itu imej yang ditunjukkan pemimpin mereka keajaib macam Khomeini, kejap Rock Hudson kejap Nelson Mandela. Boleh berubah mengikut masa dan apa yang dirasakan perlu.

Sekarang ini bila sudah kalah dia bawa pulak ke stadium dan jalanan nak tunjuk dia masih relevan. Ini berbeza dengan UMNO yang konsisten tetapi mempunyai masalah dalam hal penasihat. Kita tahu Datuk Seri Najib dan Tan Sri Muhyiddin orang baik tetapi penasihat mereka yang kurang berkenan.

Apakah mungkin fitnah dan pembongkaran pihak pembangkang juga memberi kesan kepada BN dalam pilihan raya lepas?

SANUSI: Satu lagi pandangan saya tentang pilihan raya kali ini adalah kegagalan komunikasi dan cara tidak menerangkan sesuatu. Saya teringat kata-kata Mark Twain bahawa pembongkaran sudah berjalan separuh dunia sebelum kebenaran itu baru bermula. Kalau dilihat kata-kata ini dalam konteks masa depan orang Melayu di negara ini ia sangat bergantung kepada Kabinet dan apakah bentuk perubahan yang berlaku melalui Kabinet yang diantik. Saya lihat ada di kalangan mereka yang memang ini sudah mula bersikap angkuh dan cuba meminta jawatan. Namun pada saya mereka yang menjadi

penasihat perlu menerima tanggungjawab nasihat yang diberi tidak menjadi. Saya ada mendengar cakap-cakap menyatakan salah seorang penasihat Perdana Menteri yang menyatakan 'Perkara ini tidak perlu disampaikan kepada Perdana Menteri kerana ia akan menyebabkan beliau tidak gembira'.

Ini menunjukkan wujud satu konsep di kalangan penasihat ini bahawa hanya perkara yang elok-elok sahaja diceritakan kepada Perdana Menteri, sedangkan yang saya tahu semasa zaman saya dahulu kita akan cerita semua yang baik dan tidak sedap didengar. Begitu juga dalam perundangan UMNO seolah-olah ada cubaan untuk mengawal siapa yang akan berucap, isi ucapan dan sebagainya. Seolah-olah sudah tidak ada lagi zaman orang nak bercakap bebas seperti dahulu. Saya berpandangan perlu ada kebebasan dalam UMNO supaya kita terus dan tahu apa sebenarnya yang berlaku. Kemudian pemimpin akan membuat penjelasan dan apa yang perlu dilakukan.

PRU-13 juga menunjukkan sokongan masyarakat Cina beralih arah sehingga Perdana Menteri mengesyorkan Tsunami Cina. Apa isyarat yang Tan Sri lihat dalam perkara ini?

SANUSI: Saya rasa tafsiran rasisme adalah satu *conclusion* tetapi sebab kenapa ia berlaku adalah berbeza-beza. Ini kerana saya berjumpa dengan kawan-kawan Cina yang meminta nasihat saya untuk memberitahu pihak atasan jangan bagi duit sana sini lagi. Ini kerana selepas dapat duit mereka ini hanya ketawa dan mengutuk dengan memberitahu, 'kita gertak sikit dapat sejuta, kita tepuk meja sikit kita dapat lima juta'. Kawan saya beritahu perkara ini tetapi saya nak bagi tahu pada siapa. Kalau penasihat hanya nak bagi dengar benda-benda yang elok dan saya tidak ada peluang nak jumpa mereka ini. Hanya jumpa semasa majlis sahaja. Lagipun siapalah saya dan saya juga merasakan sudah out of date dan barangkali lebih baik saya tidak masuk campur.

Satu lagi golongan orang Cina adalah seperti mereka yang tidak mengundi Datuk Seri Ali Rustam yang mana beliau ada menolong mereka ini tetapi mereka ini boleh pula cakap pada beliau, kali ini ada parti lain akan menang dalam pilihan raya. Jadi mereka tidak sokong. Mereka nak menyokong pihak yang menang tetapi kali ini ada pembangkang membuat keratan Cina percaya mereka menang. Itu adalah biasa kerana bila mereka rasa pihak ini nak menang maka mereka sokong. Itu adalah strategi bilamana jika kita membuat spekulasi seseorang itu akan menang maka ramai yang akan terpengaruh dan terpaksa menyokong. Itu yang berlaku kepada orang Cina bila mereka lihat seolah-olah ramai yang menyatakan pembangkang akan menang maka mereka akan menyokong seperti main judi juga. Tetapi hakikatnya ramai orang Cina yang baik-baik dan percaya dengan BN menyokong pembangkang kerana terdapat desakan bahawa pembangkang akan menang. Orang Cina ini pun ramai yang tak sokong DAP tetapi mereka kalau boleh tidak mahu menjadi pembangkang. Mereka tidak mahu berada di pihak yang kalah. Memang ada orang Cina yang benci pada orang Melayu namun jika mereka benci pada kita pun kita tidak boleh lihat ia sebagai satu kesalahan.

Mungkin mereka marah dengan kerajaan atau ada perkara yang mereka rasa perlu dilakukan?

SANUSI: Itu adalah perkara biasa. Kita

perlu faham kita tidak boleh memuahkan hati semua orang. Bagi orang Cina mereka merasakan sudah sampai masanya untuk mereka bertindak dan pada ketika itu mereka melihat kerajaan memerlukan sokongan mereka. Mereka melihat ia sebagai satu kesempatan dan meminta macam-macam. Bagi mereka duit yang mereka dapat itu adalah duit rakyat tetapi mereka lebih ramai yang sangat memerlukan seperti penduduk miskin dan luar bandar. Saya nak bagi contoh tentang BRIM. Dulu saya susah nak pergi sekolah pakai kasut putih tetapi kerana perjalanan ke sekolah jauh dan terpaksa melalui kawasan hutan dan berselut saya terpaksa memberi baki di leher. Kalau masa cuti sekolah saya pergi ke rumah akak saya yang agak berada. Kami kalau susah tak pinjam duit pada saudara kerana nanti mereka mengutuk walaupun mereka berada.

Selepas dapat duit mereka ini hanya ketawa dan mengutuk dengan memberitahu, 'kita gertak sikit dapat sejuta, kita tepuk meja sikit kita dapat lagi lima juta'.

Pakcik saya akan bawa ke kedai untuk beli kasut dua tiga pasang dan semuanya kasut hitam. Bila saya pergi balik ke sekolah saya akan jual balik kasut itu pada cikgu kerana duit lebih penting dari kasut. Begitu juga dalam soal BRIM rakyat lebih memerlukan duit secara tunai kerana mereka tahu nak belanja yang mana lebih penting kerana mereka memerlukan dan bukan mereka yang dapat bantuan. Macam-macam tetapi ia bukan satu keperluan penting pun. Saya ada dengar cerita tentang seorang penyokong pembangkang yang sama terima BRIM boleh cakap pada mereka yang kendalikan BRIM tu 'bagi sini duit haram tu'. Tetapi mereka tak puas tu dan bagi pada orang berkenaan dan kata pua ambil balik duit tu sebabnya saya tak mahu berubah jadi haram. Maksud saya sistem perlu diperbaiki bukan saya tak payah bagi kepada penyokong yang lebih memerlukan. Jika mereka rasa duit tu haram atau mereka tidak memerlukan tetapi minta duit rakyat apakah mereka rasa mereka layak terima sedangkan ramai lagi yang memerlukan berbanding mereka.

Apakah pandangan Tan Sri mengenai pilihan raya tidak boleh menerima keputusan pilihan raya dan mengheret rakyat menyertai perarakan untuk menyatakan bantahan?

SANUSI: Bagi saya sistem penanganan itu perlu diperbaiki dan jelas. Bagi pihak pembangkang undi yang betul hanya di tempat mereka menang sahaja iaitu di Kelantan, Penang dan Selangor. Di negeri lain semua keputusan adalah titik. Mana

boleh macam ni. Di negeri mereka menang ni takda pula timbul isu pengundi hantu, dakwat kekal, pegawai tak sopan dan tidak ada peniungan undi tetapi di negeri lain yang mereka kalah semua tidak betul. Hakikatnya adalah kekalahan itu yang sukar mereka nak terima bukan pasal peniungan undi dan sebagainya. Bagi saya jentera penanganan sudah perlu dijalankan pembangkang mempunyai *cybertrooper* yang cukup *organize*. Sedangkan saya lihat bukan semua mereka cerdik sangat pun kerana saya kenal ramai *cybertrooper* dalam BN yang lebih cerdik dan berkemampuan.

Mereka ini orang muda yang berkelayakan dan menyokong UMNO tetapi mendapat halangan di peringkat bahagian dan cawangan jadi mereka terpaksa bergerak sendiri. Mereka ini lebih berkemampuan dan bukan nak duit sangat pun, lebih kepada nak menoleng atau seronok sahaja. Malangnya kita tidak hormati mereka ini. Begitu juga dalam kalangan penyarah universiti kita tidak memberi mereka peluang yang sepatutnya. Saya dengan 57 orang penyarah yang menyokong Anwar sejak zaman ABIM lagi tetapi malangnya kita tidak guna dan manfaatkan ilmu yang ada pada mereka. Yang kita paki hanya dua, tiga orang dan ia tidak cukup. Sedangkan ramai lagi kawan Anwar yang mempunyai rhasia tentangnya yang kita tidak gunakan betul-betul dan hanya syok sendiri sahaja.

Tan Sri lihat apakah Anwar masih relevan dalam politik tanah air selepas pilihan raya yang lalu?

SANUSI: Seperti yang saya katakan tadi selagi penanganan UMNO dan BN tidak bergerak lebih cekap dan tersusun selagi itulah Anwar akan memainkan perannya. Inilah cara terbaik untuk mengurangkan tekanan yang cuba diberikan Anwar dan *cybertrooper* kita perlu mengandakan usaha memberi penanganan kerana pihak yang sana sudah menjalankan kerja mereka dengan memfitnah dan melagakan rakyat. Saya lihat beliau umpama orang yang sudah luku atau kalah tetapi dia tidak terima kekalahan dan akan terus berjalan. Sekarang kita lihat keputusan pilihan raya tidak masih kepadanya tetapi Allah Taala masih beri kemenangan kepadanya di Pematang Pauh serta anaknya di Lembah Pantai.

Kalau kita lihat pun dengan kemenangan tipis seperti sekarang ini memanglah agak sakit bagi UMNO dan BN tetapi hakikatnya yang paling sakit dan sedih adalah orang seperti Anwar sendiri. Beliau telah menguar-uarakan bukan sahaja pada semua rakyat tetapi juga kepada masyarakat antarabangsa akan menang pilihan raya. Tetapi malangnya dia hanya menang sikit sangat dan tak boleh tubuh kerajaan pun. Dan Alhamdulillah juga kuasa Tuhan hanya beri UMNO dan BN menang sikit sahaja mungkin supaya kita tidak sombong dan kemudian memakan diri pada pilihan raya akan datang. Mungkin ada sesuatu yang Tuhan nak tunjuk pada orang UMNO dan BN supaya mereka belajar dan bangkit balik supaya lebih kuat pada pilihan raya akan datang.

Pada pandangan Tan Sri adakah beliau perlu bersara dari politik?

SANUSI: Itulah yang sepatutnya. Keputusan pilihan raya ini jelas menunjukkan rakyat tidak mahukannya lagi. Kalau kita lihat keputusan pilihan raya ini orang-orang yang rapat dengannya tetapi kemudian menolak Anwar dan kemudian masuk UMNO dan bertanding

pilihan raya pun kalah. Belum lagi orang kannanya dalam parti seperti Saifuddin Nasution pun kalah. Dia ni orang kanan Anwar seperti penasihat kepada dia jugalah malah setusaha agung parti juga kalah. Apa maksud semua ini orang kannanya dalam parti kalah dan bekas sahabat juga kalah. Katanya Anwar nak Azmin Ali jadi menteri besar tetapi isterinya Wan Azizah nak Khalid Ibrahim. Masalahnya yang menentukan bukan mereka tetapi DAP. Pas sudah tentu sukar nak jadi menteri besar kerana bukan senang nak tutup kelab malam, pusat urut dan pembagai lagi makisat kerana akan ditentang habis-habisan oleh DAP.

Tengoklah apa jadi kepada Datuk Hasan Ali. Sekarang ini nyawa politik Anwar banyak bergantung kepada DAP apatah lagi yang boleh menentukan jangka hayat politik beliau adalah Karpal Singh. Kalau dia bersin sikit tak tentu arlah Anwar. Bagi Pas, Anwar mereka anggap sudah tidak lagi relevan dan tidak mungkin Pas mahu bertuanikan Nurul Izzah serta Azmin Ali. Lagi mustahil untuk Pas bertuanikan Karpal Singh. Oleh itu adalah jelas Anwar sudah tidak relevan dalam politik tanah air dan sudah sampai masanya untuk bersara.

Jika kita lihat keadaan sekarang, rakyat sudah semakin jelas siapa Anwar dan terubutannya dengan pihak luar terutama Amerika Syarikat dan tokoh yang rapat dengan Yahudi. Apakah rakyat sudah faham?

SANUSI: Itu semua bergantung kepada kerja-kerja yang dijalankan oleh penanganan UMNO dan BN, *cybertrooper* serta pengurusan media selepas ini. Memang kebanyakan hal tentang ini sudah dinyatakan kepada umum tetapi ia perlu diperjelaskan berulang kali. Kalau dahulu ramai yang ingat apabila skandal seks luar tabii atau kes liwat Anwar akan mengakibatkan hilangnya populariti dalam UMNO dan rakyat akan menolaknya. Tetapi ia tidak berlaku malah perkataan liwat itu pula yang semakin popular. Kita bagi penanganan tetapi rakyat mungkin tidak dapat faham apa yang berlaku dan kenapa Anwar tidak boleh menjadi pemimpin di negara ini. Kita perlu menjelaskan kepada rakyat keseluruhan jawapan bahawa ini semua bukan cerita bohong atau fitnah dan mereka perlu faham apa kesannya jika pemimpin begini memerintah negara apa implikasinya. Ia perlu diberi penanganan secara konsisten dan berulang-ulang tanpa jemu supaya masyarakat lebih jelas dan faham kenapa perlu tolak pemimpin begini.

Bagaimana Tan Sri melihat kedudukan Pas pasca PRU-13?

SANUSI: Satu perkara yang akan menjadi tragedi ngeri kepada Anwar selepas ini adalah dengan peletakan jawatan oleh Datuk Nik Aziz sebagai Menteri Besar Kelantan. Walaupun mungkin ada 'penyejuk' apabila anak Nik Aziz menang dalam pilihan raya tetapi umum tahu bahawa anaknya itu adalah berbeza dengan Nik Aziz. Sebelum ini yang menjadi 'penyelamat' kepada subungan Anwar di dalam Pas adalah pihak Anwar dan Nik Aziz sendiri. Berbanding pihak Anwar yang kita tahu bukanlah tahu sangat pasal agama berbanding Nik Aziz malah bapanya dahulu pun dihormati orang ramai. Keluahan Nik Aziz mungkin akan menimbulkan konflik antara Anwar serta pihak-pihak ulama dalam Pas yang sebelum ini tidak bersertu dengan pendekatan Anwar seperti penggunaan kalimah Allah dalam Bible dan sebagainya.